



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025

APB REMBAU E-BULLETIN

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X

SELAMAT JALAN ABAH..

Ditulis oleh: Nur Jihan Md Johan @ Ayyan

***‘Aduh! Sakitnya perut Abah.. Kenapa ni
Ya Allah..’***

Begitulah rintihan abah hampir setiap masa. Hati mana yang tidak risau kan abah. Belum pernah abah sakit begini. Ummi setia disisi abah bersabar mendengar rintihan abah. Pelbagai cara kami cuba ubati abah, tapi tidak ada satu pun yang melegakan abah.

Tanggal 2 Mac 2024, daku pergi menghadiri kursus wajib. Dengan berat hati meninggalkan ummi dan abah. Seperti biasa ciuman dan pelukan buat ummi dan abah daku berikan sebelum berangkat. Entah kenapa rasa sayu. Hari pertama daku tiba, terasa rindu pada ummi and abah. Seperti biasa malam-malam daku akan membuat panggilan video kerana rinduan ummi dan abah. Biarlah orang mengata daku manja tapi begitulah daku dan adik-beradik hampir setiap hari dan malam bertemu di panggilan video.

Hari kedua berkursus, daku berasa tidak sedap hati. Daku rasa kosong namun daku cuba menumpu perhatian demi lulus pengesahan jawatan ku. Memikirkan daku telah lama menunggu giliran untuk daku pergi berkursus, daku kuatkan hati. Niatku kerana ALLAH dan mahu ummi dan abahku gembira dengan keputusan kursus ku nanti.

Hari ketiga, seperti hari-hariku yang lalu bangun seawal jam 4.30 pagi bersihkan diri dan bertahajjud. Daku menenangkan jiwa dengan alunan Al-Quran dan zikrullah. Daku mula rasa kurang senang seperti hari sebelumnya, namun daku gagahi jua melangkah kaki ke dewan kursus. ALLAH menguji ku dengan sakit mata. Alhamdulillah, semuanya kehendak ALLAH sakit dan baik setiap manusia. Petang hari semasa berkursus daku menerima pesanan *Whatsapp* dari adik perempuanku; *Kakak, abah jatuh masa nak ambil wudhu*. Daku tidak tenang dan terus membalas pesanan *Whatsapp* adik perempuanku.

*‘Kakak, abah tak boleh bangun.. tak boleh
jalan..’*

Malam hari selepas berkursus, seperti biasa daku solat berjemaah bersama sahabat sekursusku yang juga menginap sebilik denganku. Selepas selesai solat daku mencapai telefon bimbitku dan mendail nombor ummi. Ummi tak mampu berkata-kata. Terus panggilan telefonku diberikan kepada abah. Abah terus menangis mendengar suara daku memanggil abah. Daku juga tak mampu berkata-kata hanya mampu menangis menenangkan abah. Sahabat sebilikku terus menuju ke daku dan menenangkan daku.

Hari keempat, daku berasa tekad untuk meninggalkan kursus. Hatiku meronta mahu pulang bertemu abah. Namun apakan daya, setelah dinasihati, daku meneruskan kursuskku dengan hati yang kosong. Hari kelima, hari keenam dan hari terakhir selepas tamat kursuskku, daku pulang berasa tidak sabar bertemu ummi dan abah.

Setibanya dirumah, daku terus menuju ke bilik abah. Aturan ALLAH, daku dan abah menangis bersama. Daku memeluk abah yang sudah terbaring. Abah tidak mampu duduk, berdiri mahupun berjalan. Dan abah juga sudah memakai lampin pakai buang dewasa. Daku tewas dengan air mata. Seperti tidak percaya dan seakan mimpi apa yang daku lihat. Daku tekad ingin menjaga abah. Ingin terus berbakti pada ummi dan abah. Hari demi hari adik-beradikku bergilir menjaga abah yang terlantar. Setiap minggu pula daku pulang demi menjalankan tanggungjawabku sebagai anak buat abah. Menjaga abah, menyuap abah makan, menyalin lampin abah. Walaupun penat, sungguh daku seronok menjaga abah.

Bulan Ramadhan pun tiba, sebak rasa hatiku. Suasana Ramadhan berubah buat kami sekeluarga. Keadaan abah makin surut, abah hilang selera makan dan abah tak lelap tidur dan sering mengadu sakit perutnya. Daku dan adik-beradik telah cuba pelbagai cara merawat abah. Ke hospital

pun sudah. Begitulah rutin daku setiap minggu akan pulang agar tiada detik akan daku sesali menjaga abah.

20 Ramadhan, 1445H daku bangkit sahur bersama ummiku. Ummiku jenguk abah terlebih dahulu dan daku pula terus ke dapur bersiap untuk bersahur bersama adik lelakiku sekeluarga. Jam hampir 5.20 pagi, ummi masih belum ke dapur. Adik lelakiku pergi seketika untuk memanggil ummiku.. Tidak lama kemudian adik lelaki ku tergesa memanggil daku dan isterinya, '*Kakak, abah dah nazak!..*'. Kami berlari menuju ke ruang bilik mendapatkan abah. Kami terus bisikkan Syahadah dan Lailahailallah tanpa henti di telinga abah sehingga nafas abah yang terakhir tepat jam 5.30 pagi.. Kami saksikan abah pergi dengan tenang. Ya, sungguh tenang.. Deras air mata kami mengalir. Suasana sepi seketika..

Alhamdulillah daku dan adik-beradikku dapat berbakti sehingga akhir nafas abah. Kami dapat mandikan, kafankan, peluk, cium dan solatkan abah buat kali terakhir. Dan sehingga ke liang lahad adik-beradik lelakiku menguruskan abah dan daku juga dapat saksikan sehingga tanah menutupi abah..

Daku redha kerana begitulah yang tertulis di lauh mahfuz. Kini hampir setahun pemergian abah. Rindu yang teramat mendalam. Setiap kali daku pulang akan

pasti menziarah puasara abah bersama ummiku. Ummiku juga setiap hari pasti akan menziarahi cinta hatinya tanpa jemu. Dan doaku sentiasa tidak pernah putus buat abah..

Abah, selamat jalan abah ke dunia abadi, urusan abah dah selesai disini dan abah tak sakit lagi.. Jazakallahu khair Abah sebab abah tunggu Ayyan balik sebelum abah pergi selamanya, I love you abah, Insyaa ALLAH kita sekeluarga akan bertemu di Syurga ALLAH kelak..

‘Ya ALLAH Ya Tuhan kami, ampunkanlah segala dosa abah, limpahkanlah rahmat kepada abah, selamatkanlah abah, maafkanlah segala kesalahan abah dunia akhirat.. Aamiin Ya Rabbal A’laamiin..’



Gambar 1: Abah (Hj. Md Johan bin Hj. Yahaya)